

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"  
Fax No.: 088-234076, 236177  
Tel. No.: 088-256744  
Your Ref.:  
Our Ref.: **KKT&P : 100 -4/16/(165)**



**KEMENTERIAN KERAJAAN  
TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT  
AND HOUSING)**  
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens  
88999 Kota Kinabalu

25 September 2008

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan

Pesuruhjaya  
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Eksekutif,  
Majlis Daerah, Beaufort, Kuala Penyu, Papar, Tenom, Penampang, Tuaran, Tambunan,  
Sipitang, Semporna, Keningau, Beluran, Kinabatangan, Kota Belud, Kota Marudu,  
Kunak, Lahad Datu, Nabawan dan Ranau.

**SURAT PEKELILING (AKAUN ) BIL. 5/2008 - PELAKSANAAN KAEDAH  
BAYARAN MELALUI JURNAL TERHADAP BAYARAN BANTUAN  
RANCANGAN SALURAN NAJIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) .**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memindah prosedur pelaksanaan tuntutan pembayaran bantuan rancangan saluran najis yang dikemukakan oleh pihak PBT ke Kementerian ini yang ditetapkan dalam surat Pekeliling (AKAUN ) BIL. 2/2006 bertarikh 20 Februari 2006.

**LATARBELAKANG**

2.1 Adalah sampai ke pengetahuan Kementerian ini bahawa kebanyakan pihak PBT menghadapi masalah dalam pelaksanaan prosedur seperti perenggan 3.1 dan 3.3 dalam surat Pekeliling (AKAUN) BIL.2/2006 sehingga mengakibatkan bil-bil dari Jabatan Kerja Raya lambat dibayar dan jumlah tunggakan bil-bil meningkat.

2.2 Selepas perbincangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya dan kajian lanjut dibuat, Kementerian telah memutuskan bahawa adalah lebih bermafaat kepada kedua-dua pihak supaya prosedur pelaksanaan dalam perenggan 3.1 dan 3.3 dalam surat Pekeliling (AKAUN) BIL.2/2006 dibatalkan.

.... 2 /

**PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG**

(2)

**KKT&P : 100 -4/16/(165 )**

Bertarikh : 25 September 2008

#### **PROSEDUR PELAKSANAAN**

3. Pihak PBT menghantar bil-bil asal dan satu salinan disahkan benar serta surat tuntutan ke Kementerian ini untuk bagi menyokong tuntutan pembayaran bantuan rancangan saluran najis yang dibayar melalui Baucar Jurnal dikredit terus ke kod hasil pihak Jabatan Kerja Raya.

#### **PEMBATALAN**

4. Prosedur pelaksanaan dalam 3.1 dan 3.3 dalam surat Pekeliling (AKAUN ) Bil 2/ 2006 dibatalkan.

#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH,CEKAP DAN AMANAH“**



**[ DATUK UJANG SULANI ]**  
**SETIAUSAHA TETAP**

Sik Pengarah Kerja Raya,  
Jabatan Kerja Raya,  
**KOTA KINABALU.**  
[ U.p Encik Paul Thien ]

“ Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan,  
Wisma Kewangan,  
88595, **KOTA KINABALU**



Pegawai Sistem Maklumat - Sila upload ke dalam laman web KKT&P

P Psl/ndl/2008